



Ruj. Kami: PKN.A.1/9-1/Jld.8(17)
Bertarikh : 21 Safar 1432H
26 Januari 2011M

Ke Majlis,

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL NEGERI

Yang Berhormat/Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 2 TAHUN 2011
PELAKSANAAN BAJET SUKU TAHUN

Pekeliling Perbendaharaan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan bahawa bagi memastikan perbelanjaan Kerajaan Negeri sentiasa dalam keadaan yang berhemah, pelaksanaan bajet suku tahun mestilah dilaksanakan oleh setiap Pegawai Pengawal.

2. Peruntukan yang boleh dibelanjakan bagi setiap suku tahun semasa adalah **sebanyak 25%** sahaja daripada anggaran peruntukan yang telah diluluskan didalam bajet/belanjawan tahunan.
3. Butiran perbelanjaan yang terlibat adalah sebagaimana berikut:-
 - 3.1. Perbelanjaan di bawah objek sebagai 14000 - Elaun Lebih Masa.
 - 3.2. Perbelanjaan di bawah objek sebagai 21000 - Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup.
 - 3.3. Perbelanjaan di bawah objek sebagai 26000 - Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan.
 - 3.4. Perbelanjaan di bawah objek sebagai 27000 - Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain.
 - 3.5. Perbelanjaan di bawah objek sebagai 28000 - Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli.
 - 3.6. Perbelanjaan di bawah objek sebagai 29000 - Perkhidmatan Iktisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti Kecuali Bagi Bayaran Gaji /Elaun Tetap Bulanan.
 - 3.7. Perbelanjaan di bawah objek sebagai 42000 - Pemberian Dalam Negeri Kecuali bagi Bayaran Elaun Tetap/Bantuan Am Bulanan.
 - 3.8. Semua perbelanjaan di bawah Peruntukan Pembangunan dan;
 - 3.9. Semua perbelanjaan di bawah Kumpulan Wang/Akaun Amanah.

4. Walaubagaimanapun, sekiranya terdapat keadaan/sesuatu perkara di mana Pegawai Pengawal tidak dapat melaksanakan arahan pekeliling ini atas sebab-sebab yang munasabah, maka permohonan pengecualian pelaksanaan mestilah dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu untuk kelulusan.

5. Pekeliling Perbendaharaan Negeri ini adalah **berkuatkuasa** mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)
Pegawai Kewangan
Negeri

s.k.

1. Yang Berhormat Dato' Seri Setia Raja Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
2. Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan
3. Yang Berusaha Setiausaha Sulit Khas Kepada Yang Amat Berhormat Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan
4. Yang Berusaha Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan
5. Yang Berusaha Setiausaha Sulit Khas Kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Besar